

# Sikap Islam terhadap Perhambaan

Pada tahun 1952 yang lalu bahagian iktisad dan masyarakat dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah membahas soal RAK (perhambaan atau mengabdikan manusia) dan telah pun mengambil ketetapan mengharamkan perhambaan itu.

Orang-orang kita yang terdidik secara Barat tentulah memandang besar akan ketetapan itu dan tentulah mereka memandang Islam yang mengharuskan perhambaan itu dengan pandangan yang kurang baik dan mengejek. Oleh itu saya di sini suka menyalinkan satu rencana berkenaan perkara ini yang ditulis oleh al-Ustaz Abdul Wahan Khalif dalam “*Liwā’ al-Islām*” sebuah majalah bulanan Islam yang terbit dalam bahasa Arab di Mesir.

(oleh Jaafar al-Bār)

Berkata al-Ustaz Khalif : Tidak ada dalam Quran satu ayat yang menjadi nas mewajibkan perhambaan, yakni menjadikan orang-orang tawanan perang atau lainnya itu hamba abdi. Ayat-ayat Quran berkenaan dengan masalah perhambaan ini hanyalah mengharuskan (bukan mewajibkan. P) perhambaan sambil menyatakan sekali setengah-setengah hukumnya serta menggalakkan pada memerdekakan hamba-hamba abdi. Misalnya ialah ayat dalam surah al-Mukminūn : “*wa alladhīnahum li furūjihim hāfiẓūn illā ‘alā azwājihum aw mā malakat aimānuhum fa’innahum ghair malūmīn.*” Ertinya: “Dan mereka yang menjaga kemaluan mereka, kecuali kepada isteri-isteri mereka atau hamba-hamba perempuan yang mereka miliki, maka tiadalah mereka itu berdosa “ dan ayat dalam surat an-Nisa : “*fa’in khiftum an lā tā’dilu wā fawāhidat aw mā malakat aimānukum.*” Ertinya : “ Dan jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (apabila beristeri lebih dari satu. p) maka beristeri satu sahajalah ataupun pakailah hamba perempuan yang kamu miliki itu” dan ayat dalam surat al-Balad : “*falā iqtahama al-aqabah wa mā iarāka mā al-‘aqābah faka raqbat*” Ertinya : “ Tidakkah dia merempuh kepayahan dan tahukah engkau apa kepayahan itu? Ialah memerdekakan hamba.” dan ayat dalam surat al-Nisa “*waman qatl mu’minā khata’ fatahrīr raqabat mu’minat*” Ertinya : “ Dan barangsiapa telah membunuh Khata’a (tak sengaja dan tak bermaksud hendak membunuh. P) seorang mukmin maka hendaklah ia memerdekakan seorang hamba mukmin. “ Dan lagi ayat yang menyatakan tempat-tempat

pemberian zakat dalam surat al-Taubah telah disatukan di sini

bahawa salah satu sifat atau jenis yang wajib diberikan

zakat kepadanya ialah hamba-hamba yang hendak menebus dirinya.

Berkenaan dengan hukum orang-orang tawanan perang, maka di dalam surat al-Qital, Tuhan telah berfirman : “*faidhā laqītum al-ladhīn kafarū faqarab al-raqāb hattā idha athkhantūhum fashadwā al-wathāq fāmā minā ba’ad wāmā fada’ hattā taḍa’ al-ḥarab awzārahā*”. Ayat ini menunjukkan bahawa ketua-ketua dan wali amr orang-orang Islam apabila telah bersungguh-sungguh dan berbuat sedaya upayanya memerangi musuh maka mereka itu diberi kebenaran memilih antara dua perkara berkenaan dengan orang-orang tawanan, iaitu *amā* mereka itu diampun dan dilepaskan atau diminta mereka menebus diri dengan wang atau dengan orang-orang tawanan Islam yang di tangan orang-orang kafir. Tidak ada di dalam Quran satu perintah bunuh atau memperhambakan orang-orang tawanan.

Tetapi ada sabit dalam al-Sunnah bahawa junjungan kita Muhammad ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam pada suatu ketika telah menyuruh supaya dibunuh setengah orang-orang tawanan kerana sebab-sebab yang khas dan kerana bencana mereka itu tidak boleh hapus melainkan dengan membunuh mereka itu. Di dalam peperangan Badar, Rasulullah telah memerintah bunuh akan Uqbah bin Abī Mu’it. Dan di dalam peperangan Uhud diperintahnya bunuh akan Abu ‘Izzah al-Jamhī. Demikian juga Rasulullah telah membenarkan sahabat-sahabatnya membunuh lapan orang ahli Makkah lepas Makkah dibuka kerana orang-orang ini telah melakukan banyak perbuatan-perbuatan kejam dan bencana-bencana untuk membinasakan orang-orang Islam. Adapun perintah-perintah bunuh atas beberapa orang tawanan ini ialah kerana dipaksakan oleh maslahat peperangan dan juga

kerana orang-orang kafir membunuh setengah orang-orang tawanan Islam.

Bahawa telah sabit juga di dalam al-Sunnah bahawa Rasulullah telah menjadikan setengah-setengah tawanan perang hamba. Orang-orang tawanan yang diabdikan itu adalah dibahagi-bahagikan kepada mujahidin bagaimana pembahagian barang-barang rampasan perang. Adapun pengabdian yang dilakukan itu ialah kerana terpaksa oleh maslahat peperangan dan kerana terpaksa oleh perbuatan orang-orang kafir yang mengabdikan orang-orang Islam yang tertawan. Pendek kata adalah perintah bunuh dan perbuatan mengabdikan itu, bukan pihak Islam yang memulakannya. Malahan pihak Islam hanyalah mencontoh perbuatan orang dan membalas, tetapi itupun jika dinampak bahawa pada balasan dan mencontoh itu ada faedah dan maslahat bagi am dan bagi keselamatan taktik peperangan.

Dengan adanya nas Quran tadi meluaskan wali amr memilih antara memaafkan dan penebusan dan dengan adanya sunnah yang mensabitkan bahawa Rasulullah pernah memerintah bunuh dan menjadikan hamba akan orang-orang tawanan itu, maka setengah imam-imam Mujtahidin telah mengambil kesimpulan iaitu wali-wali amr orang Islam itu adalah diluaskan : (1) Mengampun dan melepaskan (2) Menuntut tebusan wang (3) Membunuh dan (4) Mengabdikan orang-orang tawanan.

Tetapi hendaklah disedari bahawa yang menjadi asas hukum berkenaan orang-orang tawanan ini ialah ampunan dan tebusan dan dasar atau asas ini tidaklah boleh berubah mengikut perubahan zaman atau berlain tempat. Berkenaan dengan hukum bunuh dan mengabdikan itu. Maka tiada nas di dalam al-Quran. Kerana salah satu daripadanya hanyalah harus dijalankan kerana darurat dan desakan maslahat peperangan. Maka darurat dan desakan itu terpulanglah kepada wali-wali amir mengukur dan menentukannya mengikut keadaan masa dan tempat. Misalnya kalau keadaan berubah dan orang-orang kafir pun tidak membenarkan orang-orang tawanan Islam dibunuh atau diabdikan maka wajiblah atas kita berlaku demikian juga terhadap mereka itu, dan tiadalah boleh kita membunuh atau mengabdikan orang-orang tawanan. Tuhan hanyalah menyebutkan di dalam kitab sucinya akan hukum yang akan tetap

kekal sampai hari kiamat itu dan tiada menyebutkan

berkenaan dengan bunuh dan mengabdikan kerana kedua-duanya itu akan berubah-ubah mengikut hal keadaan masa dan bangsa.

Ringkasan dan khilash daripada keterangan yang di atas itu ialah (1) Tidak ada nas di dalam Quran yang meluaskan pengabdian atau perhambaan (2) Hukum itu nasnya hanyalah daripada al-Sunnah dan (3) Keluasan itu hanyalah diberikan kerana dharurat peperangan. Oleh sebab itulah maka ulama telah I'tifaq dan sekata, iaitu tidak boleh diabdikan melainkan yang ditawan di dala peperangan yang dihalalkan oleh syara' yakni peperangan jihad *fi sabil Allāh*. Ulama-ulama itu telah menetapkan bahawa asal manusia ialah merdeka dan hukum mengabdikannya itu asalnya terlarang maka tiap-tiap yang terlarang itu tak boleh dilanggar melainkan ada sebab-sebabnya yang berpatutan dan munasabah.

### **Memerdekakan hamba abdi**

Sungguhpun Islam hanyalah membenarkan pengabdian itu dengan satu sebab sahaja iaitu orang kafir yang ditawan di dalam peperangan Sabil yang enggan mengikut seruan Islam, dan ada pula maslahat bagi mengabdikannya. Ya.....sungguhpun begitu ketat syarat-syarat Islam tentang mengabdikan seseorang, maka ia telah membuka beberapa pintu bagi memerdekakan hamba-hamba abdi itu. Jendela yang dibuka oleh Islam bagi kemasukan orang ke dalam bilik perhambaan itu sangatlah sempit manakala jendela keluarnya adalah sangat-sangat luas dan banyak pula. Tidak syak lagi bahawa polisi Islam dalam masalah perhambaan ini akan membawanya terhapus sama sekali. Kebenaran ini tiadalah boleh diragu-ragukan kerana sudah terang bahawa kalau sebuah kolum itu hanya ada satu paip air yang mencuratkan air ke dalamnya pada hal lubang-lubang keluar air banyak. Maka sudah tentu kesudahannya ialah kolum itu akan kering jua.

Di bawah ini kita nyatakan pintu yang dibuka oleh Islam bagi hamba abdi keluar mengikutinya :-

(1) Berkenaan dengan dosa-dosa yang banyak dan kerap berlaku, maka Islam menjadikan penebusnya ialah memerdekakan hamba.

Orang yang membunuh khata' yakni tidak sengaja dan tidak bermaksud hendak membunuh maka penebusnya ialah memerdekakan seorang hamba. Firman Tuhan : *"waman qatal mu'minā khata' fatahrīr raqbat mu'minat"*.

Barang siapa dizahirkan isterinya yakni bersumpah mengharamkan isterinya atas dirinya kemudian ia nak tarik balik cakupannya itu maka kenalah ia menebus dosa perbuatannya itu dengan memerdekakan seorang hamba ataupun kalau tak sanggup kena lah puasa dua bulan berturut-turut, ataupun kalau tak terdaya kenalah memberi makan kepada 60 orang miskin, bagaimana firman Tuhan ini : *"wa alladhīn yuzahirūna min nisā'him thumma ya'ūdūn lammā qālū fatahrīr raqbat min qablan yatamāsa...."*

Barangsiapa bersengaja buka puasa pada siang-siang hari Ramadhan, maka penebusnya ialah memerdekakan seorang hamba.

Salah suatu daripada kifārah atau penebus sumpah yang dilanggar oleh yang bersumpah ialah memerdekakan seorang hamba, bagaimana firman Tuhan : *Lā yu'ākhiḥkum Allāh bā al-laghū fī imā nakum walakin yu'ākhiḥkum bi mā aqqadtum al-aymān, fakafārathu ifām 'asharatu masākīna min awsaṭi mā tuḥimūna ahlīkum aw kiswatumum aw tahrīru raqabah."*

(2) Salah suatu jenis yang patut menerima zakat ialah hamba-hamba abdi. Ini menunjukkan bahawa Tuhan telah menentukan satu bahagian daripada zakat itu untuk memerdekakan hamba abdi. Maka tiap-tiap seorang yang memiliki hamba dan hendak memerdekakan hambanya itu dengan wang, wajiblah dibayar wang tebusan itu daripada kumpulan zakat.

(3) Tuhan telah memerintahkan orang-orang yang memiliki hamba supaya mereka menolong hamba-hamba mereka yang berkehendakkan kemerdekaan dirinya dengan memberikan wang kepada mereka sebagai bantuan kepada mereka untuk melepaskan diri daripada perhambaan firman Tuhan : *"wa al-ladhīn yabtaghūn al-kitāb mim mā malakat imānakum fakātubūhum an alimtum fihim khair"*

*wautūhum min māla Allāh al-ladhī atākum."* surat al-Nur

(4) Islam telah menjadikan perbuatan memerdekakan hamba itu satu nikmat, yang kerananya orang yang memerdekakan itu berhak menjadi waris bagi hamba yang telah dimerdekakannya, kalau dia tidak mempunyai lain-lain waris.

(5) Islam telah menjadikan perbuatan memerdekakan itu sebagai senjata untuk merempuh kesukaran dan kepayahan, bagaimana firman Tuhan dalam surat al-Balad *"falā 'aqṭahum al-aqibat wamā adrāk mā al-'aqibat, faka raqibat aw aḡām fī yaum dhī masghabat yatīmā dhāmaqrabat aw miskīnādhā matrabat."*

(6) Rasulullah telah menggalakkan umatnya memerdekakan hamba Allah sambil berjanji kepada mereka itu balasan-balasan yang baik. Sabda Rasulullah *"imā rijlun i'tiq amrāa' muslimā istanqadh Allāh ta'ālā bikal'aḡwa minh aḡwā min al-nār."*

Hadis riwayat Bukhari, ertinya: "Sebarang lelaki memerdekakan seorang hamba yang muslim, maka Tuhan akan menyelamatkan dengan tiap-tiap satu anggotanya akan tiap-tiap satu anggota orang yang memerdekakannya daripada api neraka."

Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dari Abi Dzar, katanya: Aku telah bertanya nabi SAW apakah amalan yang lebih afdal? Jawab Rasul Allah iman dan berjihad *fī sabil Allāh*. Kataku lagi: "Mana satu hamba yang lebih afdal aku merdekakan?" Jawab baginda: "Ialah yang lebih mahal harganya dan lebih diperhargai oleh tuannya."

### **Syarat-syarat syara' tentang memperniagakan hamba abdi**

Syariat Islam telah menetapkan bahawa manusia itu asalanya merdeka dan bahawa memperhambakannya itu adalah satu hukum yang kadang-kadang dipaksakan oleh keadaan peperangan. Pada pandangan Islam adalah tak sah dijadikan abdi melainkan orang yang ditawan di dalam peperangan yang dihalalkan oleh syara'. Di dalam

pada itu Islam menggalakkan pula memerdekakan abdi dengan membukakan pintu seluas-luasnya bagi menghapuskan perhambaan.

Maka di sisi syarat-syarat pengabdian yang ketat dan di sisi galakan-galakan kepada memerdekakan abdi, Islam telah menetapkan bagi abdi-abdi itu beberapa hak atas tuan-tuan punya.

Hak-hak itu adalah diasaskan atas peri kemanusiaan, bagaimana yang disebutkan di bawah ini:-

Pertama : Tuhan telah memerintahkan di dalam kitabnya, demikian juga Rasulullah supaya tuan-tuan punya abdi itu berkaul

dengan baik dan berbuat ihsan kepada abadinya, firman

Tuhan : *“wa bi al-wālidayni ihsāna, wa bi dhī al-qurbā, wa al-yatāmā wa al-masākīna wa al-jāri dhi al-qurbā wa la-jāri al-junubi, wa ibn al-sabīl bālajjab wa mā malakat aymānikum.”*

Sabda Rasulullah yang maknanya : “ Takutkanlah kamu akan Allah berkenaan dengan hamba yang kami miliki, berilah kepada mereka itu makan daripada apa yang kamu makan dan berilah mereka itu berpakai daripada apa yang kamu pakai dan janganlah kamu menggunakan ke atas mereka kerja-kerja yang mereka tak terdaya mengikutinya. Selama kamu masih berkehendakkan mereka peganglah mereka dengan baik dan kalau kamu tak suka lagi jualkan mereka dan janganlah kamu mengazabkan makhluk Tuhan. Sesungguhnya Tuhan telah menjadikan kamu tuan pemilik mereka. “

Kedua : Rasulullah telah menegah daripada mengazabkan abdi atau menanggungkan ke atas mereka kerja-kerja berat yang mereka tak terdaya membuatnya, dan juga Rasulullah telah menegah daripada menghadapkan cakar kepada mereka, yang boleh menjadikan mereka terasa hina, umpama memanggil mereka wahai abdi, wahai hamba sahyaku dan sebagainya, sabda Rasulullah : *“lā yaqūlanna aḥadukum ‘abdī wa ummatī kullukum ‘abīd allāh wa kullu-nisā’ikum amā’ullāh wa lākin layaqul ghulamī wa jāriyatī wa fātāya wa fatātī.”*

Ketiga : Syara’ telah mengharamkan darah abdi itu ditumpahkan yakni abdi itu tidak boleh dibunuh dengan

tak tentu pasal dan sebabnya. Bahkan di dalam mazhab Abu Hanifah seorang merdeka itu boleh dibunuh apabila ia membunuh seorang abdi.

Keempat : Syariat Islam tidak melarang abdi dari berkahwin atau menceraikan isteri atau belajar. Bahkan setengah-setengah ahli tahqiq daripada ulama telah menyatakan bahawa abdi itu tidak tertegah daripada menjadi saksi.

Layanan yang baik terhadap hamba abdi di kalangan orang Islam telah meningkat tinggi sekali hinggakan banyak daripada sahabat-sahabat telah mempercayai dengan sepenuhnya akan hamba-hamba mereka bagi menyampaikan ilmu pengetahuan mereka kepada lain orang dan membenarkan hamba-hamba itu meriwayatkan hadis-hadis yang mereka dengar daripada Rasulullah. Maka kebanyakan hadis-hadis Abdullah bin Ammar telah diriwayatkan oleh bekas hambanya Naafi’, dan kebanyakan hadis-hadis Ibnu Abbas telah diriwayatkan oleh bekas hambanya Akrimah dan kebanyakan hadis Anas bin Malik telah diriwayatkan oleh bekas hambanya Muhamad bin Sirin.

Daripada empat banyaknya pesanan-pesanan Rasulullah supaya berlaku baik dan timbang rasa serta ihsan terhadap abdi, maka setengah-setengah ulama telah memutuskan iaitu kiranya seorang terpaksa menjual abadinya janganlah ia beri hambanya itu. Terasa hina atau menjualnya seperti menjual barang-barang atau haiwan kerana dia manusia yang ada kehormatannya.

---

Keadilan itu benteng yang tidak boleh dikaramkan oleh air. Tak boleh dibakar oleh api dan tak dapat dihancurkan oleh meriam.

\* \* \*

Jauhkanlah kemuratanmu daripada orang-orang jahat kerana engkau berbuat kebaikan kepada mereka. Mereka tidak menerima kasih; dan jika engkau pikulkan suatu tanggungan ke atas maka ia tak boleh sabar.